

PRAKTIS 1 : EJAAN KATA NAMA

Kenal pasti kesalahan ejaan kata nama yang terdapat dalam ayat-ayat yang berikut. Tulis ejaan yang betul pada ruang yang disediakan.

1. Pelajar yang ponting sekolah itu dihukum oleh guru disiplin. _____
2. Abang mencuci motorsikal baharunya di halaman rumah. _____
3. Ruang pakir di tingkat bawah pusat beli-belah itu sudah penuh. _____
4. Encik Zulkifli memakai kain sarong yang dibeli di negara seberang. _____
5. Persidangan itu dihadiri oleh golongan ilmuan dari seluruh dunia. _____
6. Ukiran kayu yang bermutu dipamerkan di galeri itu. _____
7. Penel forum itu terdiri daripada pensyarah-pensyarah kanan universiti tempatan. _____

PRAKTIS 2 : EJAAN KATA NAMA

Dalam ayat-ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut. Kemudian, tandakan (/) pada ayat yang menggunakan **ejaan yang betul**.

1. Azian menaiki komuter dari Stesyen Seremban untuk pergi ke Kuala Lumpur. ()
Azian menaiki komuter dari Stesen Seremban untuk pergi ke Kuala Lumpur. ()
2. Baju teluk belanga yang dijual di kedai itu berpatutan harganya. ()
Baju Teluk Belanga yang dijual di kedai itu berpatutan harganya. ()
3. Seniman Agung Negara, Tan Sri P.Ramlee dilahirkan pada 22 Mac 1929. ()
Seniman Agong Negara, Tan Sri P.Ramlee dilahirkan pada 22 Mac 1929. ()
4. Professor Madya Dr. Husin Ardy ramah dengan para pelajarnya. ()
Profesor Madya Dr. Husin Ardy ramah dengan para pelajarnya. ()
5. Para pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan berada di dewan utama. ()
Para pelajar Fekulti Pengurusan Perniagaan berada di dewan utama. ()

PRAKTIS 3 : EJAAN KATA NAMA

Gariskan ejaan yang betul bagi ayat-ayat di bawah ini.

1. Puan Katijah menghidangkan sepiring kuih (baulu / bahulu) kepada para tetamunya.
2. Sikap dan amalan yang baik harus dijadikan (teladan / tauladan).
3. Baju kurung Manisah menjadi perhatian kerana ditaburi labuci dan (manek / manik).
4. Yazid melihat (kalendar / kelendar) untuk mengetahui tarikh permulaan cuti sekolah.
5. Azim membeli (jeket/ jaket) berkulit tebal untuk dipakai pada musim sejuk di luar negara.
6. Bunyi (gesekan / gesikan) biola pemuzik veteran itu sungguh syahdu dan mengasyikkan.
7. Datuk Musa meminta setiausaha beliau menyiapkan (dokumen / dukumen) itu dengan segera.

PRAKTIS 4 : EJAAN KATA NAMA

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis **ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

1. Serundeng daging yang dimasak oleh ibu enak sekali . _____
2. Pinggan mangkok di dalam singki belum saya cuci. _____
3. Nadiyah menghubungi mekenik untuk membaiki keretanya yang rosak. _____
4. Para saintis sedang mencari penawar untuk mencegah virus itu daripada merebak. _____
5. Syaza diisytiharkan muflis oleh pihak bank kerana kegagalannya membayar hutang. _____
6. Linda membeli polisi insuran itu untuk kedua-dua orang ibu bapanya. _____
7. Kekeliruan itu berpunca daripada masalah teknikal dalam komputer. _____